

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK KOH NAI WONG
[ALOR GAJAH]**

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN

Datuk Koh Nai Wong [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan oleh S.P.A.D. berkenaan lesen teksi yang diberi kepada konsesi tetapi tidak aktif serta adakah SP.A.D. akan beri lesen teksi terus kepada pemandu teksi dan bukannya pemegang konsesi sedangkan kos yang ditanggung oleh pemandu teksi adalah sama malah lebih.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) tahun 2010, tiada sebarang lesen teksi bajet baru dikeluarkan, sama ada kepada individu mahupun syarikat. Ini kerana S.P.A.D. tidak mahu bilangan bekalan (*supply*) teksi melebihi permintaan (*demand*) yang sedia ada bagi memastikan pendapatan pemandu teksi tidak akan terjejas.

2. Walaubagaimanapun, semasa pelancaran Teksi 1Malaysia (TEKS1M) pada tahun lalu, sebanyak 1,000 lesen teksi baru telah dikeluarkan kepada pemilik individu yang layak.

3. 1,000 lesen ini bukanlah tambahan kepada bilangan permit teksi sedia ada tetapi merupakan lesen-lesen yang tidak aktif yang dipulangkan oleh pengusaha-pengusaha syarikat teksi kepada S.P.A.D. untuk menyokong program tersebut.

Sekian, terima kasih.